

10 DEC 1999

BARISAN KABINET YANG RESPONSIF, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 10 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata Jemaah Menteri baru kerajaan adalah kabinet yang responsif, yang dapat meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat.

Beliau percaya para anggota kabinet baru itu akan dapat menjalankan kerja-kerja sebagaimana yang diharapkan.

"Di samping itu (mereka) dapat meneruskan usaha pembangunan yang selama ini telahpun dijalankan dan perlu dipertingkatkan lagi," katanya ketika diminta mengulas barisan Kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Abdullah, yang hadir sama pada persidangan berita di Jabatan Perdana Menteri (JPM) itu, telah dikekalkan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

Barisan Jemaah Menteri yang baru itu antara lain menampilkan sembilan muka baru termasuk bekas naib canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Datuk Musa Mohamad, yang dilantik sebagai Menteri Pendidikan menggantikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

Najib kembali menyangang jawatan Menteri Pertahanan, jawatan yang disandang sebelum dilantik Menteri Pendidikan.

Perdana Menteri menyebarkan senarai kabinet baru itu kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada sebelah pagi ini untuk perkenan.

-- BERNAMA

AFY NMO